UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

ATP203 - PERLAKUAN ORGANISASI

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Peperiksaan ini mengandungi dua bahagian iaitu:

BAHAGIAN A
Soalan 1 - Seksyen A - 10 soalan objektif (10 markah)
Seksyen B - 10 soalan palsu/benar (10 markah)
Seksyen C - 10 soalan padankan (10 markah)
BAHAGIAN B - 10 esei pendek (70 markah)

Soalan-soalan daripada BAHAGIAN A, adalah WAJIB. Pilih TUJUH soalan daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

Soalan 1

Seksyen A

Pilih jawapan yang paling tepat dan tuliskan di kertas jawapan yang diberikan. Jawapan betul diberi 1 markah dan yang salah ditolak 1/3 markah.

1. Mana satu daripada berikut BUKANNYA teknik membuat keputusan secara berkumpulan?

A. "Brain storming".

B. Teknik kumpulan nominal.

C. Teknik Delphi.

D. "Conformity".

...2/-

2. Subordinat yang hanya bertanggungjawab secara langsung kepada seorang superior ialah satu contoh

   A. Pembahagian kerja.

   B. Satu ketua.

   C. Centralisasi.

   D. Tanggungjawab.

3. Seorang pengurus yang membuat semua keputusan dan hanya memaklumkan keputusan tersebut kepada subordinatnya ialah:

   A. Pengurus yang demokratik.

   B. Pengurus kelab desa.

   C. Pengurus berorientasikan pekerja.

   D. Pengurus autokratik.

4. Darjah bagaimana kerja dalam organisasi dipiawaikan ialah:

   A. Formalisasi.

   B. Centralisasi.

   C. Pembahagian kerja.

   D. Autoriti.

5. Mana satu daripada berikut BUKANNYA peringkat proses kon flik.

   A. Potensi pertentangan.

   B. Berkompromi.

   C. Perlakuan.

   D. Kesan sesuatu.

6. Individu yang bergaul di luar situasi kerja untuk tujuan sosial dikenali sebagai:

   A. Kumpulan kerja.

   B. Kumpulan berkepentingan.

   C. Kumpulan persahabatan.

   D. Kumpulan memerintah.

7. Dalam masyarakat Timur, apabila wanita mengambil bahagian dalam perlawanan gusti, ini merupakan satu contoh:

   A. Tanggapan peranan.

   B. Konflik peranan.

   C. Identiti peranan.

   D. Ekpektasi peranan.

8. Mereka yang cuba menghasilkan pengeluaran lebih dari norma kumpulan dikenali sebagai:

   A. "Rate chiseller".

   B. Pekerja yang pintar.

   C. "Rate buster".

   D. Cuba membezakan diri daripada kumpulan.

9. Situasi di mana tekanan kumpulan untuk mendapatkan persetujuan, mencegah kumpulan tersebut daripada menilai pandangan yang tidak popular dikenali sebagai:

   A. Pemikiran kumpulan.

   B. `Conformity'.

   C. Kesopanan.

   D. Group shift.

...4/-

10. Salah satu daripada yang berikut BUKANNYA dimensi model kontinjensi kepimpinan Fiedler.

    A. Hubungan pemimpin - ahli.

    B. Struktur tugas.

    C. Kematangan.

    D. Posisi kuasa.

[10 markah]

**Seksyen B**

Padankan konsep, nama dan ide dari Kumpulan A dengan Kumpulan B dengan menulis huruf dari Kumpulan B di kertas jawapan yang disediakan.

| Kumpulan A | | Kumpulan B | |
|---|---|---|---|
| 1. | "Chain in communication'. | (a) | Penyelidikan penilaian, Asch. |
| 2. | Konformiti. | (b) | Teori perlakuan kepimpinan. |
| 3. | Model kontinjensi Fiedler | (c) | Teknik perubahan. |
| 4. | Penyelidikan Hawthorne. | (d) | Rangkaian komunikasi. |
| 5. | Latihan makmal. | (e) | Joan Woodward. |
| 6. | Grid pengurusan. | (f) | Rakan kerja yang paling kurang disukai. |
| 7. | "Mass production". | (h) | Henry Mintzberg. |
| 8. | Intervensi perkembangan organisasi. | (i) | "Rope pulling task'. |
| 9. | "Social loafing'. | (j) | Latihan sensitiviti. |
| 10. | Staf penyokong. | (k) | Syarikat Western Electric, Chicago. |

[10 markah]

...5/-

**Seksyen C**

**Tuliskan jawapan sama ada BENAR (B) atau PALSU (P) di kertas jawapan yang diberikan. GUNAKAN HURUF BESAR.**

1. **Untuk lebih berkesan, maklumbalas sepatutnya sentiasa berbentuk peribadi.** P
2. **Media ialah saluran untuk menyampaikan mesej.** T
3. **`Brainstorming' ialah satu proses menghasilkan ide.** T
4. **Pemimpin berorientasikan pekerja menekankan aspek teknikal atau tugas kerja.**
5. **Dalam teknik Delphi kehadiran ahli kumpulan secara fizikal diperlukan.**
6. **Budaya miningkatkan komitmen terhadap organisasi.**
7. **`Social loafing' merujuk kepada perhubungan songsang di antara saiz kumpulan dan prestasi individu.**
8. **Kajian menunjukkan bahawa produktiviti sentiasa meningkat dengan meningkatnya keeratan kumpulan.**
9. **`Quality of worklife' merujuk kepada pembelian pakaian mahal dan kereta mewah.**
10. **`Paradoks konflik' merujuk kepada konflik yang memberi sumbangan kepada prestasi kumpulan tetapi sebaliknya kumpulan cuba untuk menghapuskannya.**

**[10 markah]**

**BAHAGIAN B**

**Jawab TUJUH soalan sahaja.**

**Soalan 2**

**Apakah kelemahan yang terdapat dalam teori kepimpinan berdasarkan sifat?**

**[10 markah]**

...6/-

<u>Soalan 3</u>

Huraikan penentu-penentu morale pekerja.

[10 markah]

<u>Soalan 4</u>

Apakah kekuatan dan kelemahan `adhocracy'?

[10 markah]

<u>Soalan 5</u>

Bagaimanakah maklumbalas dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan?

[10 markah]

<u>Soalan 6</u>

Apakah ciri-ciri kumpulan yang berkesan?

[10 markah]

<u>Soalan 7</u>

Terangkan secara ringkas teknik-teknik `pengurusan impressi'.

[10 markah]

<u>Soalan 8</u>

Apakah ciri-ciri konflik?

[10 markah]

<u>Soalan 9</u>

Apakah ciri-ciri organisasi matrik?

[10 markah]

...7/-

<u>Soalan 10</u>

Apakah sepatutnya dilakukan untuk membuat manusia menerima perubahan?

[10 markah]

<u>Soalan 11</u>

Bagaimanakah birokrasi mesin berlainan dan birokrasi profesional?

[10 markah]

...8/-